



## **MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN**

### **GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN ANJING DI BAWAH UNDANG-UNDANG KECIL MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN (PENDAFTARAN DAN KAWALAN ANJING) 1964**

#### **1. TANGGUNGJAWAB PEMELIHARA ANJING**

- (a) Mendaftarkan anjing peliharaan dengan Majlis Perbandaran Sandakan.
- (b) Memberikan penjagaan yang sempurna dan pastikan anjing sihat serta bebas daripada sebarang penyakit.
- (c) Menyediakan kandang anjing yang sesuai dan menjaga kebersihannya supaya bersih dari najis, sisa-sisa makanan dan sebarang punca kekotoran agar tidak menimbulkan kacau ganggu kepada jiran.
- (d) Mengawal dan menghindarkan daripada memudaratkan alam sekitar.
- (e) Anjing tidak dibenarkan merayau-rayau di luar premis atau rumah tanpa pengawasan. Anjing hendaklah dirantai lehernya semasa dibawa keluar bersiar-siar.
- (f) Anjing hendaklah dikawal supaya tidak menyebabkan kecederaan kepada orang awam.
- (g) Digalakkan untuk mengembiri anjing dengan mana-mana klinik haiwan.

#### **2. TANGGUNGJAWAB UNTUK MENDAPATKAN LESEN ANJING**

- (a) Semua anjing yang berusia enam (6) bulan dan ke atas diwajibkan mendapatkan lesen anjing.
- (b) Bayaran lesen bagi anjing betina adalah RM15.00 setahun dan anjing jantan adalah RM10.00 setahun.
- (c) Bilangan anjing yang dibenarkan mengikut kesesuaian premis :
  - (i) Kawasan perumahan :
    - Rumah banglo – 3 ekor
    - Rumah berkembar/teres – 2 ekor

- (ii) Luar bandar : Tertakluk kepada kesesuaian.
- (d) Lesen anjing perlu diperbaharui selepas tamat tempoh sah setiap tahun.
- (e) Lencana logam hendaklah dipakai pada leher anjing setiap masa.

### **3. PENALTI**

- 3.1 Mana-mana anjing yang didapati berkeliaran di tempat awam, sama ada memakai lencana atau tidak, boleh ditangkap oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- 3.2 Mana-mana pemilik anjing yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil Majlis Perbandaran Sandakan (Pendaftaran dan Kawalan Anjing) 1964 boleh didenda sehingga RM100.00.

### **4. PANDUAN PERMOHONAN LESEN ANJING**

- 4.1 Pemohon boleh memperolehi borang permohonan di Jabatan Kesihatan Awam MPS dengan percuma atau muat turun melalui: <https://docdro.id/xSgBOyj>.
- 4.2 Melengkapkan borang permohonan dan menyertakan satu (1) salinan mykad pemohon dan gambar anjing.
- 4.3 Dapatkan ulasan dan sijil kesihatan anjing daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Sandakan (No. telefon 089-210142) atau klinik veterinar yang bertauliah.
- 4.4 Mendaftarkan permohonan di Kaunter Kutipan Hasil Setempat MPS atau emel kepada [heamps2022@gmail.com](mailto:heamps2022@gmail.com).
- 4.5 Membuat temujanji dengan Pegawai Jabatan Kesihatan Awam MPS (No. telefon 089-211944 sambungan 733) untuk lawatan ke premis di mana anjing dipelihara.
- 4.6 Permohonan yang lengkap diluluskan oleh Ketua Pegawai Kesihatan Awam, MPS.
- 4.7 Pemohon membayar lesen anjing dan dapatkan lencana anjing di Kaunter Kutipan Hasil Setempat, MPS.